

Peraturan dan Ketelusan Sektor Pekebun Kecil




Rantaian Bekalan
Sawit Patuh EUDR



Bebas
Nyah Hutan



Geolokasi dan
Poligon Sawit



SIDANG PENERBIT

PENASIHAT

Datuk Dr. Ahmad Parveez Ghulam Kadir

PENGERUSI

Dr. Zaki Aman

TIMBALAN PENGERUSI/ KETUA PENYUNTING

Dr. Mohd Hefni Rusli

PENYUNTING

Dr. Meilina Ong Abdullah
Mohd Saufi Awang
Nor Hayati Mohammad
Johari Minal
Raja Zulkifli Raja Omar
Dr. Anita Taib
Dr. Norkaspi Khasim
Mohd Shahrin Rahami

SETIAUSAHA

Shafirul Ab. Wahab

EDITORIAL

Nursuhana Dahari
Zaidiana Mohd Zaid
Nurul Safinaz Nor Fauzi
Anizah Othman
Rizal Abd Rahim
Akram Mohamad Ismail
Saiful Bahri Ahmad

© Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), 2026.

Hak cipta terpelihara. Penerbitan ini tidak dibenarkan dikeluarkan semula, disimpan dalam sebarang bentuk kaedah elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau sebaliknya tanpa kebenaran bertulis daripada penerbit.

Diterbitkan oleh:

MPOB Press

Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB)
6, Persiaran Institusi, Bandar Baru Bangi,
43000 Kajang, Selangor.

KANDUNGAN

Dari Meja Ketua Penyunting	1
Kepentingan dan Kelebihan Mendaftar Lesen Pekebun Kecil	2
Sudut Teknologi	4
Artikel Khas - Persidangan Kebangsaan Pekebun Kecil Sawit (PKPKS) 2026	8
Kuiz Sawit	10
Tahukah Anda	11
Sembang Sawit	12
Berita Bergambar	14
Sudut Renungan	16
Diari & Program	17
Prestasi Sawit	22
Peladang Jaya	25
Direktori MPOB	28

DARI MEJA KETUA PENYUNTING

Malaysia sebagai pengeluar kedua terbesar minyak sawit dunia sedang mengalami transformasi struktur yang didorong oleh dua pematuhan merangkumi peraturan dan integrasi teknologi. Salah satu tumpuan kepada evolusi ini ialah sektor pekebun kecil yang berfungsi sebagai tonggak sosio-ekonomi yang penting bagi masyarakat luar bandar. Bagi mengekalkan daya saing global dan memenuhi piawaian antarabangsa yang semakin ketat seperti Peraturan Penebangan Hutan Kesatuan Eropah (EUDR), MPOB telah mempergiatkan tumpuannya kepada tonggak strategik utama iaitu pengawasan kawal selia yang tegas dan memandatori pelesenan dan Pensijilan Minyak Sawit Mampam (MSPO). Pelaksanaan Sistem Kebolehejekan Nasional (SKN) merangkumi Portal GeoSAWIT™, Sistem Pengurusan Pintar Sawit atau *Sawit Intelligent Management System* (SIMS) dan e-MSPO memastikan rantai bekalan yang telus dari ladang kepada pengguna.

Warta Sawit edisi kali ini mensintesis tema tersebut untuk memberikan gambaran menyeluruh tentang landskap pengawalseliaan semasa, alat teknologi dan mekanisme sokongan yang mentakrifkan masa depan minyak sawit Malaysia. Pekebun kecil harus memiliki lesen untuk mengambil bahagian secara sah dalam rantai bekalan minyak sawit. Di bawah Peraturan-Peraturan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Perlesenan) 2005, 'pekebun kecil sawit' ditakrifkan sebagai pegangan kelapa sawit kurang daripada 40.46 hektar. Faedah utama pekebun kecil memiliki lesen pekebun kecil adalah ia sebagai pengesahan status sebagai pekebun kecil, memudahkan urusan pensijilan MSPO dan memudahkan pekebun kecil memperoleh bantuan atau insentif daripada kerajaan.

Sudut Teknologi kali ini memperkenalkan Portal GeoSAWIT™ iaitu platform geospasial negara yang dibangunkan MPOB bagi menyediakan data pemetaan dan geolokasi berketepatan tinggi untuk keseluruhan landskap industri sawit Malaysia. GeoSAWIT™ telah berjaya mendapat anugerah Pingat Emas dan Anugerah Kecemerlangan Reka Cipta Asia di *International Invention, Innovation and Technology Exhibition* (ITEX 2024). GeoSAWIT™ menggunakan pemetaan poligon untuk menunjukkan sempadan dan kawasan ladang yang tepat, memberikan ketepatan spatial. Sebagai sokongan pematuhan EUDR, ia berfungsi sebagai alat sokongan teknikal untuk menyediakan bukti geolokasi dan bebas penebangan hutan yang diperlukan untuk eksport ke Kesatuan



Dr. Mohd Hefni Rusli
**Pengarah Bahagian Pengembangan Pekebun
Kecil dan Pensijilan**
mohd.hefni@mpob.gov.my

Eropah. Data pekebun kecil diintegrasikan dengan Sistem Kebolehejekan Nasional (SKN) merangkumi portal SIMS dan sistem eMSPO pekebun kecil khususnya pekebun kecil sawit.

Sudut Tahukah Anda pula memberi penjelasan ringkas mengenai pelaksanaan e-Invois bagi menyampaikan keterlibatan secara tidak langsung pekebun kecil sawit. Sebagai sebahagian daripada agenda pendigitalan nasional Malaysia, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) sedang melaksanakan sistem e-Invois untuk meningkatkan ketelusan cukai dan kecekapan pentadbiran. Walaupun pekebun kecil dikecualikan daripada e-Invois, mereka disepadukan ke dalam sistem apabila menjual tandan buah segar (TBS) kepada kilang atau peniaga. Dalam urusan niaga ini, pembeli merekodkan butiran pekebun kecil (nama, nombor kad pengenalan dan data transaksi) dalam sistem digital. Ketelusan transaksi ini dapat mengurangkan pertikaian mengenai harga, jumlah timbangan dan pembayaran antara pekebun kecil dan pembeli.

Keberkesanan pegawai TUNAS MPOB dapat dilihat dengan kejayaan pekebun kecil yang menunjukkan prestasi baik dalam mengamalkan Amalan Pertanian Baik (GAP). *Peladang Jaya* kali ini mengetengahkan En. Rosli Abd Rahman pekebun kecil sawit dari Pontian, Johor. Beliau telah mencapai hasil TBS melebihi 30 tan/ha/tahun dan telah memperoleh keahlian dalam Kelab 30 Tan MPOB. Beliau juga merupakan penerima bantuan geran Skim Integrasi Tanaman MPOB (ITa) tanaman pisang dan Roselle dengan sokongan agensi Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA). Kepelbagaian aktiviti dan hasil sawit yang tinggi membolehkan beliau dinobatkan sebagai penerima anugerah Tokoh Pekebun Kecil Sawit sempena sambutan Jubli Perak MPOB pada tahun 2025.

Pekebun kecil yang memiliki lesen yang sah membolehkan penyelarasan data transaksi yang telus sepanjang rantai bekalan sawit. Ia memupuk tadbir urus yang lebih baik, terutamanya apabila Portal GeoSawit™, MSPO dan SIMS bergabung sekali gus menyokong kelestarian industri dan kesejahteraan pekebun kecil dalam mengamalkan etika perniagaan yang adil dan telus. Semua usaha ini dilakukan bagi memastikan industri sawit Malaysia kekal relevan serta diyakini di pasaran global yang semakin mencabar dan sekali gus mengekalkan daya saing dan kredibiliti industri sawit Malaysia di peringkat antarabangsa.

KEPENTINGAN DAN KELEBIHAN MENDAFTAR LESEN PEKEBUN KECIL

PENGENALAN

Malaysia merupakan pengeluar minyak sawit kedua terbesar di dunia dan industri ini menjadi antara penyumbang utama kepada pertumbuhan serta pengukuhan ekonomi negara. Sektor sawit membuka peluang perniagaan yang luas merangkumi bidang perladangan, perniagaan, pengilangan dan perkhidmatan yang seterusnya merangsang pembangunan ekonomi di pelbagai peringkat.

Selain itu, industri sawit turut menjadi sumber pendapatan kepada ratusan ribu pekebun kecil di seluruh negara dan memainkan peranan penting dalam meningkatkan taraf sosioekonomi masyarakat luar bandar. Penglibatan pekebun kecil dalam aktiviti penjualan buah sawit membolehkan mereka memasarkan hasil kebun secara sah kepada Peniaga Buah Kelapa Sawit (DF) atau Kilang Buah Kelapa Sawit (MF) yang berlesen. Melalui sistem pelesenan yang teratur urusan penjualan dapat dilaksanakan secara lebih tersusun, telus dan adil dalam memastikan rantaian urus niaga berkaitan tandan buah segar (TBS) dan industri sawit berjalan lancar dan sihat serta memelihara kepentingan pekebun kecil dalam pasaran yang kompetitif. Secara tidak langsung, mekanisme ini turut menyokong kestabilan industri dan pematuhan kepada keperluan perundangan yang ditetapkan.

Lesen kebun kecil sawit yang dikeluarkan oleh Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) membolehkan pemegang lesen untuk menjual dan mengalih buah sawit daripada kebun sendiri atau pajakan kepada DF atau MF yang berlesen. Selaras dengan dasar kemampanan industri sawit, Pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO) adalah dimandatorikan ke atas semua pemegang lesen setelah lesen diluluskan. Oleh itu, setiap pekebun kecil yang telah dilesenkan adalah tertakluk kepada keperluan mendapatkan Pensijilan MSPO. Merujuk kepada Peraturan 2, Peraturan-Peraturan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Pelesenan) 2005, kebun kecil ditafsirkan sebagai:

- a. Suatu kebun kelapa sawit yang kurang daripada 40.46 hektar; atau



Penulis:

Suzanah Mohd Shek dan Nur Ezza Adilah Idrus

szana@mpob.gov.my

- b. Kebun kelapa sawit yang agregatnya berjumlah kurang daripada 40.46 hektar.

Memiliki lesen kebun kecil (SH) daripada MPOB adalah suatu kemestian dalam pematuhan kepada perundangan. Berikut merupakan kepentingan dan kelebihan melesenkan kebun kecil:

1. Pengesahan Status Pekebun Kecil yang Sah

Lesen MPOB menjadi bukti bahawa seseorang pekebun kecil diiktiraf secara sah oleh pihak berkuasa untuk menjalankan aktiviti penjualan TBS. Pengesahan ini memudahkan urusan rasmi seperti pengesahan pemilikan kebun, pengeluaran surat sokongan dan urusan dengan agensi kerajaan atau institusi kewangan. Ia juga meningkatkan kejelasan status pemegang lesen dalam rantaian industri sawit.

2. Memudahkan Urusan Pensijilan MSPO

Pemilikan lesen merupakan asas kepada pematuhan MSPO dan melayakkan pekebun kecil didaftarkan di bawah skim pensijilan berkumpulan dan menerima bimbingan bagi memenuhi keperluan standard yang ditetapkan. Ini membantu memastikan hasil sawit dapat dipasarkan selaras dengan keperluan kelestarian dan piawaian industri.

3. Memperoleh Bantuan atau Insentif

Pekebun kecil yang memiliki lesen sah akan memperoleh bantuan serta insentif yang memberi manfaat dan mengurangkan kos kepada pekebun kecil yang terlibat dalam industri sawit. MPOB telah memperkenalkan beberapa insentif dan bantuan pekebun kecil antaranya pemberian diskaun (potongan harga) untuk pembelian mesin CANTAS bernilai RM1,000.00 per unit dan Skim Pembiayaan Mudah Tanam Semula Pekebun Kecil Sawit 2.0 (TSPKS 2.0).

4. Meningkatkan Keyakinan Pembeli


Pemegang lesen yang sah lebih diyakini oleh DF dan MF kerana status mereka jelas dan berdaftar dengan MPOB. Ini membantu mewujudkan urusan jual beli yang lebih teratur, mengurangkan pertikaian serta memastikan transaksi dilakukan secara sah dan telus.

5. Menyokong Perancangan dan Kawal Selia Industri

Melalui sistem pelesenan pekebun kecil, MPOB dapat merekod dan mengemas kini maklumat penting seperti keluasan kebun, keluasan tanaman, lokasi kebun dan kesahihan maklumat yang boleh memberi impak kepada data, maklumat dan statistik yang tepat dan relevan berkaitan industri sawit. Data yang tepat dan terkini boleh membantu MPOB memantau pergerakan bekalan TBS, merancang keperluan industri serta memastikan keseimbangan antara pengeluaran dan kapasiti pemprosesan. Selain itu, maklumat tersebut turut digunakan sebagai asas dalam merangka dasar, program pembangunan dan penambahbaikan sistem pelesenan bagi memperkukuh tadbir urus industri sawit negara.

KESIMPULAN

Lesen MPOB bukan sahaja memastikan pemilik kebun kecil sawit mematuhi undang-undang, tetapi juga mempunyai pelbagai kepentingan dan kelebihan seperti akses pasaran, sokongan kerajaan, peningkatan produktiviti, dan pemeliharaan alam sekitar. Dengan memiliki lesen yang sah, pekebun kecil dapat meningkatkan daya saing serta menyumbang secara mampan kepada pembangunan sektor sawit selari dengan pembangunan sistem *Sawit Intelligent Management System (SIMS)* yang membolehkan penyelarasan data transaksi sepanjang rantaian bekalan dan memupuk tadbir urus yang lebih baik, terutamanya apabila digabungkan dengan MSPO. Ini sekali gus menyokong kelestarian industri dan kesejahteraan pekebun kecil dalam mengamalkan etika perniagaan yang adil dan telus.



Laman sesawang Sistem E-Lesen Pekebun Kecil MPOB, <https://e-lesenpk.mpob.gov.my>.

SUDUT TEKNOLOGI

PORTAL GeoSAWIT™

PENGENALAN

Industri sawit Malaysia sedang berhadapan dengan transformasi ketara dalam landskap perdagangan global yang semakin menitikberatkan ketelusan dan kebolehjekan rantaian bekalan. Pasaran antarabangsa bukan sahaja menuntut jaminan kemampunan produk sawit, malah memerlukan bukti terperinci berkaitan lokasi penanaman dan pihak yang terlibat dalam amalan pengurusan yang dilaksanakan.

Keperluan ini menjadikan data berasaskan geolokasi sebagai elemen penting dalam memastikan keyakinan pasaran terhadap industri sawit negara. Dalam konteks ini, penggunaan teknologi geospasial menjadi semakin relevan (Nordiana et al., 2008). Pemetaan ladang dan pekebun kecil sawit secara sistematik dan berketepatan tinggi membolehkan maklumat pengeluaran sawit dipersembahkan secara telus dan mudah difahami. Menyedari keperluan tersebut, Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) membangunkan portal GeoSAWIT™ sebagai satu platform geospasial nasional untuk menyokong pengurusan, ketelusan dan kebolehjekan industri sawit Malaysia.

Apakah Portal GeoSAWIT™

Portal GeoSAWIT™ ialah sebuah platform geospasial yang memaparkan maklumat geolokasi dan pemetaan ladang sawit dan pekebun kecil di Malaysia dalam bentuk peta interaktif. Portal ini membolehkan pengguna melihat taburan ladang sawit dan pekebun kecil secara visual, merangkumi ladang estet, pekebun kecil tersusun dan persendirian (Nordiana et al., 2025).

Secara ringkasnya, GeoSAWIT™ berfungsi sebagai peta digital rujukan nasional bagi industri sawit. Melalui paparan yang mesra pengguna, landskap pengeluaran



Penulis:

**Nordiana Abd Aziz; Mohamad Izzuddin Anuar;
Mohd Najib Ahmad; Ezzati Bahrom dan Ahmad
Afandi Murdi**

nordiana@mpob.gov.my

sawit dapat difahami dengan lebih jelas, bukan sahaja oleh pihak berkuasa dan industri, tetapi juga oleh pemegang taruh yang ingin memahami gambaran keseluruhan sektor sawit negara.

Komponen dan Ciri Utama Portal GeoSAWIT™

Antara ciri utama GeoSAWIT™ ialah pemetaan ladang sawit menggunakan poligon yang menunjukkan bentuk dan keluasan sebenar ladang. Pendekatan ini memberikan gambaran yang lebih tepat berbanding penggunaan titik geolokasi semata-mata (Nordiana et al., 2012), sekali gus meningkatkan kualiti maklumat spatial yang dipaparkan. Selain itu, paparan peta interaktif dan visual yang membolehkan hubungan antara ladang sawit dan persekitaran sekeliling difahami dengan lebih mudah. Ciri-ciri ini menjadikan GeoSAWIT™ sebagai alat visual yang praktikal untuk menyokong pemahaman dan analisis berasaskan geolokasi (Nordiana et al., 2018). Selaras dengan itu, portal ini juga telah menerima Pingat Emas dan Anugerah Kecemerlangan Reka Cipta Asia di *International Invention, Innovation and Technology Exhibition (ITEX 2024)* (Rajah 1).

GeoSAWIT™ dan Sokongan kepada Pekebun Kecil

Pekebun kecil merupakan tulang belakang penting dalam industri sawit Malaysia, namun mereka sering berdepan cabaran dari segi kewujudan data geospasial dan akses kepada sistem digital. Dalam persekitaran pasaran yang semakin menuntut bukti kebolehjekan, kekurangan data ini boleh memberi kesan kepada penyertaan dan keterangkuman pekebun kecil dalam rantaian bekalan sawit negara.

Melalui GeoSAWIT™, kebun pekebun kecil direkod dan dipetakan secara sistematik, menjadikan keberadaan mereka lebih teguh dalam landskap digital

industri sawit (*Rajah 2*). Pendekatan ini membantu memastikan pekebun kecil tidak tercacir daripada rantaian bekalan dan terus berpeluang menikmati akses pasaran yang mampan.

Sehingga kini, pembangunan GeoSAWIT™ telah menunjukkan kemajuan, khususnya dari segi liputan


pemetaan dan pembangunan fungsi teras portal. Platform ini telah digunakan sebagai rujukan dalam sokongan analisis dan penyediaan maklumat berkaitan industri sawit. Sehingga kini, 73%, 78% dan 29% poligon sawit bagi pekebun kecil sawit persendirian di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak telah disediakan.



Logo GeoSAWIT™.



Rajah 1. Pingat Emas dan Anugerah Kecemerlangan Reka Cipta Asia yang dimenangi di ITEX 2024.



Rajah 2. Taburan pekebun kecil berlesen dalam pemilikan tanah yang sah melalui paparan portal GeoSAWIT™.

Peranan GeoSAWIT™ dalam Pematuan Peraturan Eksport ke Negara Eropah

Keperluan pasaran Kesatuan Eropah (EU) terhadap bukti pematuan berasaskan geolokasi semakin meningkat, khususnya berkaitan isu litupan tanah dan penyahutanan sebelum tarikh *cut-off* pada 31 Disember 2020. Dalam konteks ini, GeoSAWIT™ berperanan sebagai alat sokongan teknikal yang menyediakan rujukan geospasial bagi tujuan saringan dan penilaian awal eksport produk sawit ke EU. Walaupun GeoSAWIT™ bukan merupakan sistem penguatkuasaan, keupayaannya menyediakan data geolokasi dan pemetaan ladang yang tepat dan konsisten membantu industri menyusun serta

membekalkan maklumat yang lebih sistematik, telus dan berwibawa bagi memenuhi keperluan pematuan serta pelaporan usaha wajar (*due diligence*) produk sawit untuk eksport sawit ke EU.

Integrasi GeoSAWIT™ dalam Sistem Kebolehejakan Nasional (SKN)

Bagi memudahkan pengeluaran laporan usaha wajar untuk eksport ke negara-negara EU, Malaysia telah mewujudkan Sistem Kebolehejakan Nasional (SKN). SKN merupakan satu portal yang mengintegrasikan tiga sistem digital penting dalam industri sawit negara iaitu *Sawit Intelligence Management System* (SIMS),

ePensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (eMSPO) dan GeoSAWIT™.

Dalam ekosistem ini, GeoSAWIT™ berfungsi sebagai komponen geospasial yang melengkapkan sistem lain seperti SIMS dan e-MSPO (Rajah 3). Melalui integrasi ini, kebolehejakan tidak lagi bergantung kepada rekod dan dokumentasi digital semata-mata, tetapi turut disokong oleh maklumat geolokasi dan pemetaan. Pendekatan bersepadu ini meningkatkan ketelusan dan kebolehpercayaan sistem kebolehejakan industri sawit negara.

ISU, CABARAN DAN HALA TUJU

Antara cabaran utama dalam pembangunan GeoSAWIT™ ialah memastikan keseragaman dan ketepatan data spatial daripada pelbagai sumber. MPOB telah mengadakan sesi libat urus bersama agensi-agensi pembekal data kerajaan dan pihak berkepentingan bagi memastikan sistem GeoSAWIT™

mendapat sumber data yang berkualiti dan tepat (Rajah 4). Proses pengumpulan data, khususnya melibatkan pekebun kecil, memerlukan pendekatan yang sistematik serta sokongan berterusan. Pengalaman pelaksanaan GeoSAWIT™ juga memberikan pengajaran penting berkaitan keperluan kualiti data, penyelarasan antara agensi pemetaan seperti Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM), Jabatan Tanah dan Ukur Sabah (JTU) serta Jabatan Tanah dan Survei Sarawak (JTSS) dan pembangunan sistem secara berperingkat bagi memastikan kemampuan jangka panjang. Ini menekankan kepentingan tadbir urus data yang kukuh dan kerjasama perkongsian data antara agensi serta pihak berkepentingan. GeoSAWIT™ akan terus diperkukuh melalui fungsi, visualisasi, integrasi sistem dan modul analitikal sawit. Fokus akan diberikan kepada meningkatkan kebolehgunaan portal serta sokongan kepada industri dan pekebun kecil. Cabaran ini juga menjadi asas kepada penambahbaikan berterusan dalam pembangunan portal dari masa ke semasa.



Rajah 3. Komponen Sistem Kebolehejakan Nasional (SKN).



Rajah 4. Sesi libat urus bersama agensi kerajaan.

KESIMPULAN

Portal GeoSAWIT™ mencerminkan komitmen Malaysia dalam memanfaatkan teknologi geospasial bagi memperkukuh ketelusan dan kebolehjajakan industri sawit. Sebagai sebuah platform nasional, GeoSAWIT™ bukan sahaja menyokong keperluan semasa industri, malah menyediakan asas yang kukuh ke arah pengurusan sawit yang lebih mampan. Melalui pendekatan berasaskan data dan geolokasi, GeoSAWIT™ membantu memastikan industri sawit Malaysia kekal relevan, diyakini serta berupaya menyesuaikan diri dengan tuntutan pasaran global yang semakin mencabar, sejajar dengan aspirasi negara untuk mengekalkan daya saing dan kredibiliti industri sawit di peringkat antarabangsa.

RUJUKAN

Nordiana, A. A., Wahid, O., & Tarmizi, A. M. (2008). *MPOB geospasial products and mapping services for oil palm*

plantation management (MPOB Information Series No. 448). Malaysian Palm Oil Board.

Nordiana, A. A., Wahid, O., & Esnan, A. G. (2012). Global positioning system (GPS) dan geographic information system (GIS) for oil palm plantation management. In *Proceedings of the 5th National Seminar on Oil Palm Farm Mechanisation (PalmMech 2012)*. Bandar Baru Bangi, Malaysia.

Nordiana, A. A., Wahid, O., Zulkifli, H., Hasnol, O., Rohani, K., Faizuroh, H. J., Noor, H. J., & Khadijah, A. (2018). *Web mapping and web application of oil palm resource information system* (MPOB Technical Series No. 176). Malaysian Palm Oil Board.

Nordiana, A. A., Anuar, M. I., & Ahmad, M. N. (2025). Oil palm mapping using geospasial technologies. In *Smart technology for oil palm plantation: The Malaysian Experience* (Chap. 13). UPM Press.

ARTIKEL KHAS

PERSIDANGAN KEBANGSAAN PEKEBUN KECIL SAWIT (PKPKS) 2026

Persidangan Kebangsaan Pekebun Kecil Sawit (PKPKS) merupakan program dwi tahunan dan platform strategik yang menghimpunkan komuniti pekebun kecil sawit dari seluruh negara bagi membincangkan hala tuju dan cabaran semasa industri sawit, dengan sokongan agensi utama iaitu Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) dan Kementerian Perladangan dan Komoditi. Bertemakan “**Kemampanan, Kebolehejakan dan Ketelusan**”, persidangan ini akan berlangsung pada 9–10 September 2026 bertempat di Hotel Promenade Kota Kinabalu, sebuah lokasi strategik di bandar Kota Kinabalu, Sabah. Persidangan ini memberi penekanan kepada amalan pertanian mampan, pelaksanaan sistem kebolehejakan rantai bekalan dari ladang ke pasaran, serta pengukuhan tadbir urus yang telus dan berintegriti selaras dengan keperluan pasaran global.

Program ini akan menampilkan pembentangan pakar, pameran teknologi dan sesi dialog bersama pembuat dasar bagi memperkasa pekebun kecil dengan ilmu, teknologi serta jaringan strategik. PKPKS 2026



Penulis:
Rahmahwati Rasuddin
rahmahwati@mpob.gov.my

mensasarkan penyertaan seramai 500 orang peserta yang terdiri daripada pekebun kecil, wakil koperasi, agensi kerajaan, institusi penyelidikan dan pemain industri, sekali gus mewujudkan suasana persidangan yang lebih fokus, interaktif dan berimpak tinggi dalam memacu kelestarian serta meningkatkan keyakinan terhadap industri sawit negara.

Jangan lepaskan peluang untuk menyertai persidangan penting ini yang bakal menentukan masa depan industri sawit negara. Inilah masanya untuk memperkukuh daya saing, meningkatkan keyakinan pasaran dan memastikan hasil sawit kita terus mendapat tempat di peringkat global. Penyertaan anda bukan sahaja membuka ruang kepada ilmu dan jaringan baharu, malah menjadi simbol komitmen bersama dalam memartabatkan kemampanan, kebolehejakan dan ketelusan industri sawit Malaysia. **Daftarlh segera dan bersama-sama kita jayakan PKPKS 2026 demi masa depan pekebun kecil yang lebih mampan dan gemilang!!!**



IMBAS KOD QR
untuk keterangan
lanjut



PERSIDANGAN KEBANGSAAN PEKEBUN KECIL SAWIT PKPKS 2026

Kemampuan. Kebolehjajakan. Ketelusan.



9-10 September 2026



Hotel Promenade, Kota Kinabalu, Sabah

SIAPA PERLU HADIR?

Warganegara Malaysia terdiri daripada pekebun kecil, pengusaha sawit, peniaga sawit, pengurus dan penyelia estet, pembekal input pertanian, ahli akademik, penuntut universiti, pegawai agensi-agensi pengembangan dan pembangunan, pegawai bank dan mereka yang berminat dalam industri sawit.

Untuk pertanyaan lanjut,
sila hubungi:

 Mohamad Hafiz Abidin
 **03-8911 0184**
 pkpks@mpob.gov.my

Tuntutan HRDC*

*untuk syarikat yang mencarum
HRD Corp sahaja.



KUIZ SAWIT

Lima pembaca Warta Sawit berpeluang memenangi wang tunai berjumlah **RM100** sekiranya berjaya menjawab lima soalan dengan tepat. Hanya lima penyertaan bertuah yang menjawab dengan tepat akan dipilih sebagai pemenang.

Syarat Penyertaan

- Terbuka kepada pembaca Warta Sawit, kecuali kakitangan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) dan ahli keluarga;
- Tulis jawapan sama ada dengan tulisan tangan atau taip;
- Tarikh tutup penyertaan ialah pada **2 Julai 2026**; dan
- Keputusan juri adalah muktamad.

Hantar jawapan anda berserta nama, nombor kad pengenalan, nombor telefon dan alamat yang jelas kepada:

Kuiz Warta Sawit
Lembaga Minyak Sawit Malaysia,
6, Persiaran Institusi, Bandar Baru Bangi,
43000 Kajang, Selangor.
u/p: Unit Khidmat Pengembangan,
Bahagian Pengembangan Pekebun Kecil dan
Pensijilan

melalui aplikasi *WhatsApp* 017-821 9693 ATAU emelkan kepada wartasawit@mpob.gov.my

Sumber maklumat untuk menjawab soalan kuiz ini adalah berdasarkan artikel-artikel dalam Warta Sawit Bil. 92(1)/Jan-Apr 2026.

Nama: _____

No. Kad Pengenalan: _____

No. Telefon: _____

Alamat: _____

1. Apakah maksud pelaksanaan e-Invois dan penglibatan pekebun kecil sawit?
 - a. Sistem pembayaran tunai untuk pekebun kecil.
 - b. Sistem rekod transaksi elektronik oleh LHDNM untuk meningkatkan ketelusan cukai, termasuk urus niaga pekebun kecil.
 - c. Bantuan kewangan khas untuk pekebun kecil.
 - d. Sistem eksport hasil sawit ke luar negara.
2. Apakah fungsi utama lesen kebun kecil sawit MPOB?
 - a. Membolehkan pekebun menanam pokok kelapa sawit sahaja.
 - b. Membolehkan pemegang lesen menjual dan mengalih buah kelapa sawit secara sah.
 - c. Membolehkan pekebun menjual baja secara sah.
 - d. Membolehkan pekebun menubuhkan kilang buah kelapa sawit sendiri.
3. Berapakah keluasan maksimum kebun kecil mengikut Peraturan-Peraturan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Pelesenan) 2005?
 - a. 39.46 hektar
 - b. 40.46 hektar
 - c. 41.46 hektar
 - d. 42.46 hektar
4. Salah satu kepentingan lesen MPOB ialah:
 - a. Membolehkan pekebun kecil memproses minyak sawit tanpa lesen.
 - b. Mendapat bantuan dan insentif yang dihaskan untuk kebun kecil.
 - c. Memberi lesen untuk membuka tanah gambut baharu.
 - d. Membolehkan pekebun kecil menjual hasil sawit tanpa mematuhi undang-undang.
5. Apakah faedah utama GeoSAWIT™ kepada pekebun kecil?
 - a. Ia menyediakan subsidi kewangan untuk pembelian baja dan peralatan.
 - b. Ia membantu mereka memasarkan produk sawit secara terus kepada pengguna EU.
 - c. Ia merekod dan memetakan kebun mereka secara rasmi, membantu mereka kekal dalam rantaian bekalan ke pasaran Eropah.
 - d. Ia menawarkan perkhidmatan nasihat agronomi secara percuma.

JANGAN
LEPASKAN
PELUANG
MEMENANGI
RM100
MELALUI APLIKASI
WHATSAPP

WHATSAPP SEKARANG !!!

017-8219 693

Sila hantar borang penilaian melalui aplikasi *whatsapp*

TAHUKAH ANDA

PELAKSANAAN E-INVOIS: APA PEKEBUN KECIL SAWIT PERLU TAHU

PENGENALAN

Pelaksanaan e-Invois merupakan sebahagian daripada agenda pendigitalan nasional yang dilaksanakan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LDNM) bertujuan memperkukuh sistem percukaian negara melalui peningkatan ketelusan, kecekapan pentadbiran serta pematuhan pembayar cukai. Sistem e-Invois membolehkan maklumat transaksi direkod dan disahkan secara elektronik melalui sistem berpusat, sekali gus mengurangkan ketirisan hasil dan meningkatkan kecekapan pengurusan rekod perniagaan.

Pelaksanaan e-Invois dilaksanakan secara berperingkat mengikut jumlah perolehan tahunan pembayar cukai bagi memastikan peralihan yang lebih teratur. Fasa awal bermula pada tahun 2024 melibatkan syarikat berskala besar, diikuti oleh kumpulan pembayar cukai berskala sederhana dan kecil sehingga tahun 2026. Pelaksanaan berperingkat ini bertujuan memberi tempoh penyesuaian yang mencukupi kepada perusahaan kecil termasuk pekebun kecil sawit sebelum pelaksanaan mandatori sepenuhnya.

Dalam sektor sawit, pelaksanaan e-Invois melibatkan pelbagai pihak sepanjang rantai bekalan seperti syarikat perladangan, kilang sawit, syarikat penapisan, peniaga tandan buah segar (TBS), koperasi dan pengeksport. Walaupun kebanyakan pekebun kecil sawit tidak diwajibkan mengeluarkan e-Invois, mereka tetap akan terlibat secara langsung atau tidak langsung melalui urusan niaga dengan pihak yang diwajibkan menggunakan sistem tersebut.

STRUKTUR PEKEBUN KECIL SAWIT DAN PELAKSANAAN E-INVOIS

Sebahagian besar kawasan tanaman sawit diusahakan oleh pekebun kecil persendirian dan pekebun kecil tersusun. Secara umumnya, kebanyakan pekebun kecil mengusahakan kebun berskala kecil dengan pendapatan yang sederhana. Berdasarkan struktur tersebut, majoriti pekebun kecil berada dalam kategori yang dikecualikan daripada pelaksanaan mandatori e-Invois kerana jumlah perolehan tahunan lazimnya berada di bawah ambang



Penulis:
Nor Fadilah Hashim
dila@mpob.gov.my

yang ditetapkan. Walau bagaimanapun, sebahagian pekebun kecil komersial yang mengusahakan kawasan tanaman yang lebih luas berkemungkinan mencapai ambang perolehan yang memerlukan pematuhan kepada sistem e-Invois.

Pelaksanaan e-Invois bagi pekebun kecil adalah bergantung kepada jumlah perolehan tahunan seperti berikut:

- Perolehan Tahunan di bawah RM1 juta: Dikecualikan daripada pelaksanaan mandatori e-Invois.
- Perolehan Tahunan RM1 juta hingga RM5 juta: Pelaksanaan mandatori bermula 1 Januari 2026.
- Perolehan Tahunan Melebihi RM5 juta: Pelaksanaan mandatori mengikut fasa lebih awal.
- Pendekatan berperingkat ini memberi ruang kepada pekebun kecil untuk membuat persediaan sebelum diwajibkan melaksanakan e-Invois sepenuhnya.

SKOP PENGLIBATAN PEKEBUN KECIL

Walaupun kebanyakan pekebun kecil tidak diwajibkan mengeluarkan e-Invois, mereka tetap terlibat dalam pelaksanaan sistem ini melalui beberapa bentuk urusan niaga.

- **Jualan TBS kepada Kilang Kelapa Sawit atau Peraih**

Aktiviti utama pekebun kecil adalah menjual TBS kepada kilang sawit atau pusat pengumpulan. Sekiranya pembeli tersebut diwajibkan menggunakan e-Invois, maklumat transaksi jualan TBS akan direkodkan dalam sistem e-Invois oleh pihak pembeli.

Dalam keadaan ini, pekebun kecil tidak perlu mengeluarkan e-Invois sendiri tetapi perlu memastikan maklumat peribadi seperti nama, nombor kad pengenalan dan butiran jualan adalah tepat bagi tujuan dokumentasi transaksi. Dokumen sedia ada seperti resit timbang dan penyata bayaran yang dikeluarkan oleh pembeli masih boleh digunakan sebagai rekod jualan oleh pekebun kecil.

- **Pembelian Input Pertanian**

Pekebun kecil juga terlibat dalam pelaksanaan e-Invois apabila membeli baja, racun, atau input pertanian daripada pembekal yang diwajibkan menggunakan e-Invois. Dalam kes ini, pembekal akan mengeluarkan e-Invois dan pekebun kecil akan direkodkan sebagai pembeli dalam sistem tersebut. Walaupun pekebun kecil tidak perlu mengurus sistem e-Invois secara langsung, transaksi mereka tetap direkodkan secara digital.

- **Urus Niaga Melalui Koperasi**

Sebahagian pekebun kecil menjalankan urus niaga melalui koperasi. Sekiranya koperasi tersebut melaksanakan e-Invois, semua urus niaga kewangan dengan pekebun kecil akan direkodkan melalui sistem digital yang sama.

Keadaan ini menunjukkan bahawa walaupun pekebun kecil tidak diwajibkan mengeluarkan e-Invois, mereka tetap merupakan sebahagian daripada ekosistem e-Invois sektor sawit.

IMPLIKASI PELAKSANAAN E-INVOS KEPADA PEKEBUN KECIL SAWIT

Rekod Jualan Lebih Sistematik

Pelaksanaan e-Invois oleh pihak pembeli akan menghasilkan rekod jualan TBS yang lebih teratur dan mudah dirujuk. Ini membantu pekebun kecil menyemak rekod jualan dan bayaran dengan lebih jelas serta menyimpan rekod pendapatan secara lebih sistematik. Rekod yang lengkap dapat membantu pekebun kecil dalam urusan seperti permohonan pembiayaan, penyertaan dalam program pembangunan dan latihan pekebun kecil serta permohonan bantuan kerajaan.

Ketelusan Urus Niaga

Penggunaan e-Invois dijangka dapat meningkatkan ketelusan dalam urus niaga antara pekebun kecil dan pembeli. Sistem yang lebih sistematik dapat membantu mengurangkan risiko pertikaian berkaitan harga, timbangan atau bayaran antara kedua-dua pihak. Ketelusan urus niaga ini boleh meningkatkan keyakinan pekebun kecil terhadap sistem pemasaran hasil sawit.


Galakan Pendigitalan

Pelaksanaan e-Invois secara tidak langsung menggalakkan pekebun kecil untuk meningkatkan penggunaan teknologi dalam pengurusan kebun. Walaupun pekebun kecil tidak diwajibkan menggunakan sistem e-Invois secara langsung, mereka akan digalakkan untuk menyimpan rekod jualan sendiri dengan lebih sistematik, meningkatkan pengurusan kewangan dan menggunakan aplikasi mudah alih dalam aktiviti pertanian. Perubahan ini selaras dengan usaha memodenkan sektor sawit negara.

KESIMPULAN

Pelaksanaan e-Invois merupakan sebahagian daripada transformasi digital negara yang akan mempengaruhi sektor sawit termasuk pekebun kecil. Walaupun kebanyakan pekebun kecil sawit tidak diwajibkan mengeluarkan e-Invois, mereka tetap akan terlibat melalui urus niaga dengan kilang kelapa sawit, koperasi dan pembekal input pertanian.

Dengan kefahaman yang betul, pelaksanaan e-Invois boleh memberi manfaat kepada pekebun kecil melalui peningkatan ketelusan urus niaga dan pengurusan rekod yang lebih sistematik. MPOB bersama agensi berkaitan akan terus memainkan peranan untuk memberi maklumat dan sokongan supaya pekebun kecil sawit dapat menyesuaikan diri dengan perubahan ini.



DATA STATISTIK PEKEBUN KECIL SAWIT PERSENDIRIAN MALAYSIA



SEHINGGA
MAC 2026

BILANGAN PELESEN PEKEBUN KECIL SAWIT PERSENDIRIAN DAN KELUASAN (HEKTAR)

244,701 PK

867,256.03 HA




PENSIJILAN MSPO

190,100 PK

726,843.77 HA



KUMULATIF KEAHLIAN KELAB 30 TAN MENGIKUT NEGERI SEHINGGA MAC 2026



RUJUKAN Rekod Pendaftaran Pekebun Kecil (MPOB)/E-Lesen PK

BERITA BERGAMBAR



Pekebun kecil persendirian dari kawasan SPOC Q10 yang hadir ke kaunter bergerak MPOB sempena Hari Bertemu Pelanggan bertempat di Pusat Komersial Rehat dan Rawat (RRCC) Mid Layar Betong, Sarawak pada 27 Januari 2026.



YB Datuk Seri Dr. Noraini binti Ahmad, Menteri Perladangan dan Komoditi bergambar kenangan sempena sesi taklimat mengenai Sawit Intelligent Management System (SIMS) dan platform GeoSAWIT™ bertempat di Wisma Dura, Bangi, Selangor pada 11 Februari 2026.



Lawatan oleh YB Datuk Seri Dr. Noraini binti Ahmad, Menteri Perladangan dan Komoditi ke Pejabat TUNAS MPOB Sandakan pada 11 Februari 2026.



YB Datuk Seri Dr. Noraini binti Ahmad, Menteri Perladangan dan Komoditi bersama pekebun kecil sempena program MPOB Mendekati Pekebun Kecil bertempat di Pasir Mas, Kelantan pada 11 Mac 2026.



Pekebun kecil persendirian dari kawasan SPOC C2 yang hadir ke kaunter bergerak MPOB sempena Hari Bertemu Pelanggan yang bertempat di Kompleks Belia dan Rakan Muda Daerah Maran, Pahang pada 14 Februari 2026.



YBhg. Datuk Dr. Ahmad Parveez Ghulam Kadir, Ketua Pengarah MPOB merasmikan Program Jalan Ladang Pekebun Kecil (JLPK) bertempat di Sungai Terbuang 2, Kg. Batu 20 Batu Kurau pada 28 Januari 2026.



Pegawai TUNAS Zon Selatan 2 membuka kaunter bergerak MPOB di kawasan SPOC J39 sempena Hari Bertemu Pelanggan bertempat di Yee Seng Enterprise, Batu Anam, Jementah, Johor pada 12 Januari 2026.



En. Mike Tomson, Penyelaras TUNAS Zon Sarawak 1 bergambar bersama pelajar Sarjana Sains Alam Sekitar (Penggunaan Tanah dan Pengurusan Sumber Air) dari Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) dan Universiti Copenhagen, Denmark sempena Program Kemampanan untuk Pekebun Kecil Sawit Persendirian Melalui Penubuhan SPOC dan KPSM pada 2 Mac 2026.

SUDUT RENUNGAN



